



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU  
MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN DAN PENYERAHAN KUNCI RUMAWIP  
RESIDENSI SENTULMAS**

**6 JANUARI 2018 (SABTU) | 11.00 PAGI**

---

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

**(*Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur*)**

**Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan,  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikshan,  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin Bin Abd. Aziz,  
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chai King Kong,  
Pengerusi Kumpulan Aset Kayamas Sdn Bhd**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,  
Rakan-Rakan Media,**

**Datuk Seri, Datuk- Datuk ,Tuan-tuan, Puan-Puan dan seterusnya Pembeli RUMAWIP Residensi Sentulmas yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd yang menjemput saya untuk merasmikan Majlis Pelancaran Dan Penyerahan Kunci RUMAWIP Residensi Sentulmas pada pagi ini. Projek ini adalah merupakan projek kedua yang berjaya disiapkan pihak pemaju selepas Residensi Pandanmas pada 25 April 2017 yang lalu dalam usaha bersama dengan Kerajaan bagi menyediakan rumah mampu milik kepada warga Wilayah Persekutuan yang berkelayakan.
3. Syabas kepada Aset Kayamas Sendirian Berhad kerana sekali lagi telah berjaya menepati jangkaan bagi menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan yang memerlukan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Syarikat Aset Kayamas adalah sebuah syarikat pemaju perumahan yang tidak asing lagi dan telah banyak

menyumbang pembangunan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini. Melalui syarikat bersekutunya iaitu Sinerjuta Sdn Bhd, pihak pemaju telah membangunkan projek RUMAWIP Residensi Sentulmas ini di atas tanah **berkeluasan 1.15 ekar** yang menawarkan satu (1) blok berketinggian 30 tingkat dengan **351 unit kediaman**. Kediaman RUMAWIP berkeluasan 900 kaki persegi ini ditawarkan pada harga RM300,000 seunit serta didatangkan dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dan satu (1) petak tempat letak kereta.

5. Kemudahan yang disediakan kepada pembeli juga adalah bertaraf kondominium seperti kolam renang, kawasan rekreasi kanak-kanak, gimnasium, kawalan keselamatan 24 jam, dewan serbaguna, surau serta infrastruktur awam lain bagi memberikan keselesaan kepada penghuninya.
6. Para pembeli sebenarnya amat bertuah kerana memperoleh projek ini terutamanya kerana lokasi projek ini amat strategik dan terletak di tengah-tengah pusat bandar Kuala Lumpur. Akses jalan raya di sekitar lokasi ini juga memudahkan pergerakan. Kemudahan LRT juga berada berhampiran dengan lokasi ini dengan jarak perjalanan hanya 5 minit sahaja.
7. Lokasi projek ini juga dilihat amat berdekatan dengan segala kemudahan asas sedia ada bersebelahan yang boleh dinikmati oleh penduduk seperti UTC Sentul dan masjid serta berdekatan

dengan Hospital Kuala Lumpur. Rangkaian perhubungan jalan raya sekitarnya juga sangat memudahkan pembeli kerana mendapat akses seperti Jalan Pahang yang menghubungkan kawasan Chow Kit dan Jalan TAR, Jalan Tun Razak yang menghubungkan kawasan Segitiga Emas Kuala Lumpur dan KLCC serta laluan lebuhraya seperti Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE).

8. Justeru, saya percaya projek ini menawarkan kediaman pada harga yang amat berpatutan jika diambilkira segala faktor kemudahan dan akses perhubungan sekitar kediaman Residensi Sentulmas ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

9. Projek ini telah mula dibina sejak tahun 2015 dan telah berjaya disiapkan pada Disember 2017 yang lalu. Dengan reputasi dan rekod baik Aset Kayamas ini, saya yakin pembangunan Residensi Sentulmas ini berjalan dengan lancar dan sempurna seterusnya menepati sasaran RUMAWIP untuk menyediakan kediaman selesa khususnya bagi tuan-tuan dan puan-puan para pembeli Residensi Sentulmas sekalian.
10. Untuk makluman hadirin sekalian juga pihak pemaju juga akan menganjurkan satu lagi majlis penyerahan kunci untuk projek yang turut dibangunkannya iaitu Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Bukit Jalil yang akan dirasmikan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa terdekat ini. Projek tersebut yang memulakan pembinaan pada tahun 2015 kini turut berjaya disiapkan yang menawarkan sejumlah 1,536 unit kepada penjawat awam yang berkelayakan.

11. Untuk makluman semua, projek ini telah berjaya disiapkan pemaju **dalam tempoh dua puluh lima bulan lebih awal** sejak pembinaanya yang dimulakan pada tahun 2015. **Faktor perancangan pembangunan yang effektif daripada pemaju bersama kontraktor serta sinergi yang baik bersama agensi-agensi kerajaan dan juga penduduk setempat menjadi pemangkin kepada projek ini dapat disiapkan lebih awal.**
12. Sehingga kini sebanyak 15 projek RUMAWIP yang melibatkan **12,919 unit** telah disumbangkan oleh pihak pemaju. Tiga projek daripadanya telah berjaya disiapkan sebagaimana yang telah saya maklum dan tuan puan saksikan pada hari ini. Saya percaya akan ada sebahagian lagi yang akan disiapkan pada tahun 2018 ini.
13. Apa yang boleh saya tekankan disini adalah kesemua pelaksanaan projek tersebut dijayakan tanpa melibatkan sebarang peruntukan atau subsidi daripada Kerajaan. Program RUMAWIP ini menjadi bukti yang jelas bahawa usahasama antara kerajaan dan pihak swasta ini mampu dilaksanakan

tanpa penglibatan dana daripada kerajaan yang sekaligus membantu penjimatan yang amat signifikan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

14. Seperti semua projek RUMAWIP lain, projek RUMAWIP ini juga akan terikat dengan sekatan jualan atau moratorium selama 10 tahun bagi membendung spekulasi harta tanah daripada berlaku tanpa kawalan dan juga menjamin kepentingan golongan sasar iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dalam memiliki kediaman sendiri.
15. Saya ingin menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian pemilik RUMAWIP ini supaya mematuhi moratorium yang telah Kerajaan tetapkan. Walaupun setelah tamat tempoh moratorium tersebut, simpanlah harta tanah ini kerana manfaatnya bukan sahaja untuk kita bahkan untuk masa depan anak cucu kita kelak.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, suka saya berkongsi sedikit pencapaian RUMAWIP semenjak dilaksanakan pada tahun 2013 yang lalu. **Pencapaian sehingga Disember 2017**, kita telah berjaya mencapai sebanyak **71,554 unit** atau **89.44%** daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang ditetapkan menjelang tahun 2020 merangkumi projek di bawah kategori

“Siap”, “Dalam Pembinaan” dan “Kelulusan Perintah Pembangunan” atau “Development Order”.

17. Justeru, daripada pencapaian tersebut dapatlah disimpulkan bahawa lebih akan ada lebih banyak lagi projek-projek RUMAWIP yang akan kita tawarkan kepada rakyat. Dalam hal ini, kerajaan juga akan memberi penekanan kepada projek RUMAWIP yang akan datang dengan harga yang lebih rendah dibawah RM265,000 dan kita minta semua pemaju bersama-sama menyahut seruan kerajaan ini.
18. Kepada mereka yang berminat untuk membeli kediaman RUMAWIP, segeralah berdaftar di portal rasmi RUMAWIP. Terdapat banyak lagi projek-projek RUMAWIP lain yang masih dibuka untuk jualan. Rebutlah peluang keemasan ini sementara Kerajaan masih menyediakan kediaman mampu milik di ibu kota ini.
19. Jadikan aset untuk diri dan keluarga kerana kami yakin setiap projek yang dibangunkan pastinya memberi keuntungan kepada para pembeli. Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya serta kerjasama daripada pemaju swasta sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran untuk membina rumah mampu milik seperti yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, yang paling penting adalah memastikan segala projek yang diluluskan tersebut diterjemahkan kepada pemilikan oleh rakyat yang berkelayakan.

20. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Aset Kayamas Sdn Bhd serta pihak KWP, DBKL dan semua pihak yang terlibat atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan projek pembangunan RUMAWIP Residensi Sentulmas ini.
21. **Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran dan Penyerahan Kunci RUMAWIP Residensi Sentulmas.**
22. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.